

**PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU KERTAS 2 LATIH TUBI SPM 2016**

**Soalan 1: Rumusan**

**Markah penuh dibahagikan kepada:**

- a) **Isi**                    -20 markah
- b) **Bahasa**                -10 markah

**(a) Isi [20 markah]**

**Nota:**

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

<b>Bahagian</b>	<b>Markah</b>									<b>Markah</b>
<b>(i) Pendahuluan</b>										<b>2</b>
<b>(ii) Isi tersurat</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>8</b>	<b>9</b>	<b>10</b>	<b>11</b>	<b>12</b>	<b>16</b>
<b>(iii) Isi tersirat</b>	<b>12</b>	<b>11</b>	<b>10</b>	<b>9</b>	<b>8</b>	<b>7</b>	<b>6</b>	<b>5</b>	<b>4</b>	
<b>(iv) Penutup/ Kesimpulan</b>										<b>2</b>
	<b>Jumlah Markah</b>									<b>20</b>

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18-20	9-10	-Kesinambungan isi baik
	15-17	7-8	-Struktur ayat/tatabahasa baik -Kosa kata luas -Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12-14	6-7	-Kesinambungan isi masih baik
	8-11	4-5	-Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan -Kosa kata masih memuaskan -Tandabacaan/ ejaan juga memuaskan
Lemah	1-7	1-4	-Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan.

**Nota:**

- i. Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- iii. Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- iv. Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

## **Soalan 1 : Rumusan**

### **Pendahuluan**

Rumusan membincangkan langkah-langkah/cara-cara/kaedah-kaedah/tindakan-tindakan mengekalkan keharmonian antara kaum dan cabaran memperkukuh perpaduan.

2 m

### **Isi-isi tersurat:**

S1 - Janganlah menghancurkan apa-apa yang telah kita capai selama ini melalui semangat

muhibah dan persefahaman antara kaum di negara berbilang bangsa ini. 2 m

S2- Janganlah kita membiarkan fahaman ekstremis memecahbelahkan negara yang kita cintai

2 m

S3 -Rakyat Malaysia daripada pelbagai kumpulan etnik perlu membantu menjalin dan

memperkukuh keharmonian hidup di Malaysia. 2 m

S4 -Rakyat Malaysia tidak kira bangsa atau agama, seharusnya lebih peka terhadap peranan

dan sumbangan mereka kepada perpaduan negara 2 m

S5 - Rakyat Malaysia harus sedar dan perlu mengelakkan diri daripada mengejar agenda

yang bersifat perkauman. 2 m

S6- Semangat patriotisme mestilah sentiasa disemai dan dibajai dalam usaha mengekalkan

keharmonian dan perpaduan sosial. 2 m

S7 -Penyelesaian kepada kemelut yang menimbulkan rasa tidak puas hati antara kaum

sewajarnya menggunakan pendekatan kesederhanaan. 2 m

S8 -Tindakan atau tutur kata yang bersifat provokasi yang dapat menjejaskan keharmonian

kaum dan perpaduan hendaklah dielakkan. 2 m

S9 -Setiap masalah perlu ditangani secara penuh berhemah dan teliti

2 m

**Isi-isi tersirat:**

T1- Masyarakat kita masih terbentuk di dalam kepompong kaum secara tradisi.	2m
T2-Kedudukan kaum masih ditentukan oleh faktor geografi dan lokasi kediaman	2m
T3-Keperluan pada pegangan perlembagaan dan prinsip Rukun Negara semakin menipis	2m
T4-Setiap kaum ingin menonjolkan identiti kaum masing-masing	2 m
T5-Masih wujud prejudis antara mayarakat berbilang kaum	2 m

**Kesimpulan**

Kesimpulannya, usaha-usaha mengekalkan keharmonian antara kaum perlulah diberi perhatian oleh setiap lapisan mayarakat supaya perpaduan yang telah wujud dapat dilestarikan.  
2 m

**Soalan 2 : 9 markah**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang sempurna/lengkap**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **tepat/betul**, berikan **separuh (50%)** daripada **markah yang diperuntukkan** sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap / kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

### Skema Jawapan Soalan 2 (a)

- (i) elemen-elemen/unsur-unsur/ciri-ciri pertengkaran/pergaduhan 2m
- (ii) Penulis menganggap pembinaan negara bangsa sebagai suatu proses yang sukar kerana:
- pelbagai cabaran yang berliku perlu ditempuhi. 1m
  - persefahaman 1m
  - toleransi 1m
  - komitmen 1m
  - serta pengorbanan yang tinggi 1m

(Maksimum: 3m)

\*Pilih mana-mana 3

- (iii) Pada pendapat saya , **wajar** jika kita katakan bahawa negara kita telah berjaya menjadi sebuah negara yang disegani kerana wujudnya perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

Alasan saya:

- perpaduan yang terjalin dalam kalangan masyarakat Malaysia dapat mengelakkan daripada berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham 1m
- semangat kekitaan yang menjadi teras 1Malaysia telah membolehkan rakyat Malaysia berkerjasama memajukan negara 1m
- perpaduan yang terjalin mewujudkan masyarakat yang saling berkongsi kemakmuran ekonomi 1m

( Maksimum 4m)

\*Pilih mana-mana 2 isi.Terima isi yang difikirkan sesuai.

Soalan 2(b)

- (i) Keadaan Solehah

P1 – tenat

P2 – pundi janinnya pecah di ovari

P3 – sedang koma

( 2 isi cukup )

[ 2 markah ]

- (ii) Tindakan untuk menceriakan pesakit

P1 – memberikan rawatan yang terbaik

- P2 – memberikan kata-kata motivasi/positif  
P3 – bercakap dengan suara yang lemah lembut/tidak garang  
P4 – mengambil hati pesakit/beri hadiah/cenderahati

( 2 isi cukup )

[ 3 markah ]

(iii) Peristiwa dalam petikan berkaitan pengajaran tersebut:

- P1- Profesor Doktor Juaidi mengarahkan Doktor Murni mendapatkan sepuluh pek darah daripada hospital lain dengan segera setelah diberitahu bahawa bank darah di hospital sudah kehabisan agar lebih banyak nyawa dapat diselamatkan.(1+1)

Peristiwa dalam keseluruhan cerpen berkaitan pengajaran tersebut:

- P1-Nusia meminta juruteknik makmal darah memberinya lima pek darah untuk menyelamatkan Solehah dan alHafiz kerana mereka amat diperlukan oleh ahli keluarga, agama dan negara. (1+1)

[ 4 markah ]

Soalan 2(c)

- i) Maksud “maka titah duli yang maha mulia patik junjung ialah” perintah raja Melaka akan dipatuhi atau diikuti oleh Temenggung. ( 2 markah )
- ii) Pandangan Laksamana tentang penjurit;  
P1- Bukan sembarangan penjurit/bukan pencuri biasa  
P2- Penjurit tersebut lebih bijak/hebat daripada Laksamana (2 isi sahaja)  
( 3 markah )
- iii) Langkah yang boleh dilakukan untuk mengelakkan masalah kecurian daripada berleluasa ialah ;  
P1- mengadakan kawalan/rondaan ketat oleh pihak berkuasa  
P2- menguatkuasakan undang-undang terhadap pesalah yang mencuri  
P3- menyimpan barang berharga di tempat yang selamat seperti bank dan mempunyai nombor kawalan  
P4- memperhebat kawalan Rukun Tetangga/rakan COP  
P5 –Memasang CCTV /alat kawalan keselamatan/pelihara anjing/pengawal keselamatan. ( 2 isi sahaja)  
( 3 markah )

Soalan 2(d)

- (i) Maksud rangkap pertama sajak di atas ialah :  
- Penyajak menyatakan bahawa dia sering berasa sunyi kerana tiada sesiapa/ anak-anak yang datang menziarahinya.  
ATAU  
Penulis berkata bahawa setiap malam yang dilaluinya adalah sepi seribu bahasa yang tidak pernah membawa apa-apa perubahan dalam dirinya. Dia berteka-teki dengan diri

sendiri sama ada anaknya akan datang menjenguknya. Oleh hal yang demikian, penulis yang mengeluh telah meluahkan kesunyiannya pada usia tua.  
( 2 markah)

(ii) Pada pendapat saya tiga sebab segelintir anak-anak bersikap begitu ialah :

- P1 Sibuk dengan tugas/ pekerjaan masing-masing.
  - P2 Menganggap ibu bapa menyusahkan.
  - P3 Tiada masa/ tidak cukup masa
  - P4 Tinggal jauh
- ( 3 markah)

(iii) Dua persoalan yang dapat diperolehi daripada sajak di atas:

- **Persoalan tanggungjawab anak kepada ibu bapa.**  
Anak-anak bertanggungjawab menjaga ibu bapa mereka kelak. Bukan membiarkan mereka kesunyian lebih-lebih lagi pada usia tua mereka nanti.
- **Persoalan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya.**  
Walaupun dipinggir, namun seorang ibu tetap mendoakan anaknya agar diberi keinsafan.
- **Persoalan ikatan kekeluargaan yang longgar.**  
Pada masa sekarang, ramai anak-anak yang tidak mempedulikan ibu bapa mereka. Bukan setakat tidak diziarahi bahkan tidak dijaga dengan baik dan menganggap mereka tidak bermakna dalam hidup.
- **Persoalan tiada makhluk yang kekal selain Tuhan.**  
Semua hidupan di dunia ini akan mati satu hari nanti yang kekal hanyalah Tuhan.  
(4 markah)

### Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a): 6 markah

Soalan 3(b): 6 markah

Soalan 3(c): 6 markah

Soalan 3(d): 6 markah

Soalan 3(e): 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar/meninggalkan imbuhan, berikan 0 markah.



6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Ayat tidak jelas, tolak ½ markah/ ayat tidak logik tolak ½ markah.

**Jawapan 3(a) Membina ayat.**

1. proses – i. Siri perubahan yang berlaku secara semulajadi  
 ii. Satu siri tindakan yang dilakukan untuk membuat, mrnghasilkan atau mencapai sesuatu.  
 iii. Kaedah teknik operasi yang digunakan dalam industry untuk membuat sesuatu  
 iv. ID perbicaraan dalam mahkamah
2. memproses - i. mengambil tindakan tertentu terhadap sesuatu mengikut prosedur yang ditetapkan.  
 ii. Mengolah bahan mentah menjadi barang siap
3. pemprosesan – i. pembuatan, usaha , kerja dsb memproses
4. tafsir - i. keterangan dan penjelasan bkn ayat-ayat Quran  
 ii. tafsiran, keterangan dan penjelasan, kupasan, ulasan
5. tafsiran - i. penjelasan (ayat-ayat Quran), tafsir  
 ii. hasil mentafsirkan pengertian pendapat
6. pentafsiran – i. perihal perbuatan mentafsirkan sesuatu

[6 markah]

**Jawapan 3(b)**

- i. Ayat perintah suruhan
- ii. Ayat perintah larangan
- iii. Ayat Perintah silaan
- iv. Ayat Perintah permintaan
- v. Ayat perintah larangan
- vi. Ayat perintah suruhan

[6 markah]

**Jawapan 3(c) Kesalahan ejaan dan imbuhan**

**ejaan:**

di denda - didenda

seMalaysia - se-Malaysia

ilmuan - ilmuwan

**imbuhan:**

mempercepatkan - mempercepat

mengenepikan - mengetepikan

meningkat - meningkatkan

[6 markah]

**Jawapan 3(d) kesalahan istilah dan kesalahan bahasa**

**istilah:**

had - kuota

membasmi - menangani

selesai - habis

**tatabahasa:**

di dalam - dalam

bahawa - agar

goreng pisang - pisang goreng

[6 markah]

**3(e) Maksud Peribahasa**

- i) Seperti kaca terhempas ke batu – sangat sedih atau kecewa
- ii) Rumah sudah pahat berbunyi – mengemukakan pendapat dan lain-lain sesudah perkara diputuskan
- iii) Pisang tak akan berbuah dua kali – sekali tertipu atau kerugian tentu akan berjaga-jaga pada masa akan datang.

[6 markah]

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

**Perhatian bagi soalan 4**

- (a) (i) Jawapan berdasarkan **satu** daripada novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Berikan 2 markah bagi peristiwa yang jelas dan lengkap.
- (iv) Berikan 1 markah bagi setiap peristiwa yang kurang jelas/tidak lengkap.
- (v) Markah isi maksimum 4 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.
- (vii) Markah bahasa diberikan secara `impression`
- Baik = 3 markah
- Sederhana = 2 markah
- Lemah = 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[maksimum: 7 markah]

- (b) (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri 1 markah untuk satu latar masyarakat bagi setiap novel
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap huraian yang lengkap dan jelas
- (v) Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
- (vii) Markah bahasa diberikan secara `impression`
- Baik = 2 markah
- Lemah = 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[maksimum: 8 markah]

**4a) Dua peristiwa yang melibatkan watak utama .**

**Novel Di Sebalik Dinara:**

i) Peristiwa Farisha berada di lapangan terbang untuk pulang selepas menghadiri mesyuarat di Nusajaya. Dia terasa sangat mengantuk kerana bangun awal pagi untuk berkejar dari Kuala Lumpur ke Nusajaya dan pulang ke Kuala Lumpur pada hari yang sama. Dia berkenalan dengan seorang pemuda di kapal terbang dan berjumpa semula semasa Farisha menghadiri simposium di Hotel Renaissance. Pemuda itu menawarkan projek mini yang bernilai tinggi di Soft Lab.

ii) Peristiwa Farisha memulakan tugas di Soft Lab dengan ditemani oleh Aqram. Dia berkenalan dengan Dr Maxi dan juga saintis hebat bernama Karl. Farisha mula mengkaji projek yang akan digodamnya iaitu Dinara dengan bantuan Aqram dan Alia. Semasa bekerja di Soft Lab, Farisha dan Shida menemui pelbagai maklumat berkaitan projek Dinara. Shida menimbulkan beberapa kemusykilan tentang seorang pembantu penyelidik bernama Medina.

iii) Peristiwa Farisha berkunjung ke rumah Azraai dan disambut oleh dua orang anak saudaranya yang comel, iaitu Dina dan Aina. Farisha sangat sayang akan dua orang anak saudaranya. Farisha diberitahu oleh abang dua perkara yang di luar sangkaannya. Perkara pertama ialah Azraai telah dikesan oleh doktor bahawa dia telah menghidap penyakit jantung. Farisha menangis dan meminta Azraai tidak lagi menyembunyikan masalah kepada Azraai kerana tidak mahu kehilangan abang yang amat disayangi. Perkara kedua ialah Azraai menyerahkan satu fail daripada arwah ayah mereka kepada Farisha dan memberitahunya bahawa Farisha ialah anak angkat kepada ayah dan ibunya. Azraai berat hati untuk memberitahu perkara itu kepada adik angkatnya sejak 26 tahun yang lalu tetapi dia perlu melaksanakan amanah yang diberikan oleh arwah ayahnya. Farisha sangat sedih dan menangis sehingga matanya

iv) Peristiwa Farisha disambut oleh Aqram dan dibawa ke bilik keselamatan untuk mendaftar cap jari dan retina mata. Farisha dibawa ke sebuah bilik besar sebagai tempat kerjanya. Farisha berasa selesa di tempat kerjanya. Seterusnya Farisha juga dibawa ke pusat data yang merupakan perkakas Dinara. Farisha diberitahu bahawa di situlah semua data untuk perisian Desktop Maya yang digunakan oleh pelanggan Soft Lab, iaitu semua data disimpan dalam Dinara. Oleh itu Farisha dipertanggungjawabkan untuk menggodam dan mengukuhkan sistem Dianara.

### **Dua peristiwa yang melibatkan watak utama .**

#### **Novel Silir Daksina**

- i) Peristiwa Haiqal menghabiskan waktu petangnya di gerai makanan Ratna di pantai Batu Buruk. Kawan sekelasnya, Ratna tidak meneruskan pengajian selepas tamat SPM sebaliknya membantu ibunya menguruskan perniagaan ibunya. Sementara itu Haiqal meneruskan pengajian STPM dan sedang menunggu keputusan STPM. Mereka berkawan baik. Haiqal memberitahu Ratna bahawa dia sedang meneliti manuskrip ayahnya. Sambil mereka bersiar-siar di pantai, Haiqal cuba menghayati pertemuan cinta ayah dan ibunya..

Ratna tiba-tiba ingin tahu punca perpisahan ayah dan ibu Haiqal dan Haiqal tidak tahu punca perpisahan ayah dan ibunya.

- ii) Peristiwa Haiqal untuk ke kampung arwah ayahnya mendapat tentangan daripada uminya. Umi melarang Haiqal ke Johor atas sebab-sebab tertentu. Hubungan umi dan ayah kandung Haiqal sesungguhnya tidak bahagia sehingga berpisah. Umi membawa Haiqal tinggal bersamanya di Kuala Terengganu. Ayah Haiqal, Abdullah bin Kayan tinggal kesepian di Johor. Hidupnya kesepian, keseorangan dan dihurung kerinduan terhadap anaknya. Haiqal telah membuat keputusan bahawa dia tetap akan pergi walaupun uminya melarang keras keputusannya itu. Uminya tidak mahu Haiqal mengikuti jalan hidup seperti arwah ayah kandungnya. Haiqal tidak diberikan sebarang wang perbelanjaan untuk ke sana.
- iii) Peristiwa Haiqal disambut mesra oleh penduduk Kampung Seri Purnama. Hal ini dikatakan demikian kerana ayah kandung Haiqal seorang yang sangat disegani di sana. Sedikit demi sedikit Haiqal mula mengetahui mengenai arwah ayahnya melalui penceritaan penduduk kampung di situ.. Dari situlah perlahan-lahan Haiqal mengenali ayah kandungnya
- iv) Peristiwa Haiqal ingin kumpulan zapin D'Purnama membuat persembahan zapin. Haiqal dan See Hwa menari bersama-sama. Haiqal sangat terharu kerana umi, walid, dan adik tirinya turut memberikan sokongan. Dendam uminya terhadap Abdullah bin Kayan telah melebur apabila dia datang ke Kampung Seri Purnama untuk menyaksikan Haiqal menari.

### **Latar masyarakat dalam Novel Di Sebalik Dinara:**

#### **1. Masyarakat yang mementingkan kasih sayang dalam keluarga.**

Azraai dan Farisha saling menyayangi. Dua beradik ini saling mengambil berat dan risau akan keselamatan antara satu sama lain. Azraai kerap menelefon adiknya dan memasang iterkom yang bersambung antara apartmen Farisha dengan rumah Azraai.

#### **2. Masyarakat yang mementingkan diri sendiri.**

Wanita di lapangan terbang yang bercakap di telefon dengan suara yang kuat. Dia tidak pedulikan orang yang ada di sekelilingnya sehingga membuat Farisha berasa jengkel.

#### **3. Masyarakat yang suka bersaing untuk menunjukkan kehebatan diri**

Marilyn@Medina dan Karl saling bersaing untuk menunjukkan kehebatan masing-masing dalam dunia penyelidikan sains. Karl tidak dapat menerima kenyataan yang Marilyn lebih hebat daripadanya. Karl telah mensabotaj Marilyn sehingga dia menjadi gila.

#### **4. Masyarakat yang celik ICT**

Farisha, Marilyn@Medina dan Karl merupakan antara contoh masyarakat yang sangat hebat dalam dunia ICT. Mereka mampu mencipta program baharu dan mampu juga menggodam computer. Azraai juga seorang yang pakar dalam ICT dan mengaplikasikannya di rumahnya dan apartmen Farisha.

### **5. Masyarakat yang teguh memegang amanah / janji**

Dr Maxi, Aqram dan Khairul Anwar teguh memegang amanah Karl untuk mencari Farisha sehingga berjumpa. Mereka juga menjaga Farisha dengan baik kerana menunaikan amanah Karl. Hal ini demikian kerana Farisha sangat penting untuk menyelamatkan Dinara.

### **6. Masyarakat yang bijak**

Farisha ialah seorang gadis yang sangat bijak. Walaupun baru sahaja mendengar penerangan ringkas tentang Dinara daripada Aqram, dia telah dapat mengesan kelemahan Dinara. Walaupun belum memulakan penggodaman, Farisha telah nampak banyak kelemahan Dinara. Kerana kebijaksanaannya itulah, dia diperlukan untuk menyelamatkan Dinara.

### **Latar masyarakat dalam Novel Silir Daksina:**

#### **1) Golongan Peniaga**

Wak Min dan isterinya Menah mengusahakan warung makanan di Kampung Seri Purnama.

#### **2) Golongan Petani**

Pelanggan yang masuk ke dalam warung Wak Min berpakaian untuk berkebun.

#### **3) Masyarakat Yang Rajin Berkerja**

Pak Cik Salleh menjalankan dua kerja bagi menambah perbelanjaan keluarga tanggungannya. Dia berkerja membawa teksi dan menukang rumah.

#### **4) Masyarakat Berbilang Kaum Yang Akrab/Harmoni/Mesra**

Pelanggan yang masuk ke dalam warung Wak Min berjabat tangan sebelum memesan makanan. Tauke Ong sampai di warung Wak Min kelihatan amat mesra dengan pelanggan-pelanggan yang lain. Tauke Ong ketawa terbahak-bahak apabila diusik oleh seorang rakannya.

#### **5) Masyarakat Yang Amanah**

Tauke Ong sangat amanah menjaga rumah arwah ayah Haiqal sehingga Haiqal datang ke Kampung Seri Purnama. Dua hari sekali Swee Hwa mengemas rumah arwah ayah Haiqal dengan kakaknya. Swee Hwa memegang amanah arwah ayah Haiqal untuk menjaga manuskripnya dan menyerahkannya kepada Haiqal.

#### **6) Masyarakat Yang Meminati Sastera Tanah Air.**

Swee Hwa dan Haiqal meminati karya-karya sastera negara seperti Abdullah Hussain, A.Samad Said dan Shahnnon Ahmad.

## **PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

